

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Stampin atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan boleh dikategorikan dalam dua aspek. Pertamanya, keperluan untuk memastikan keamanan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan atau dengan izin, *freedom of navigation and overflight*. Kedua, tuntutan bertindih yang melibatkan Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam dan China.

3. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan selama ini adalah jelas dan konsisten.

Pertama : Penyelesaian secara aman melibatkan negara-negara yang membuat tuntutan, atau dengan izin, *claimant states*;

Kedua : Penyelesaian berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*; dan

Ketiga : Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin, *International Court of Justice*, Tribunal Timbang Tara, atau dengan izin, *Arbitral Tribunal* dan sebagainya adalah merupakan pilihan terakhir di dalam mencari penyelesaian.

4. Bagi memastikan kepentingan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara, langkah-langkah yang sewajarnya sentiasa diambil termasuklah mengadakan rondaan, pengawasan serta penguatkuasaan, pendekatan diplomatik sama ada secara dua hala atau secara pelbagai hala di peringkat ASEAN mahupun di peringkat forum-forum serantau yang lain sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan beberapa buah negara merupakan suatu isu yang kompleks dan akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian.

6. Sehubungan itu, bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dapat dipelihara, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

7. Melalui *DOC*, pihak-pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan

pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan. Secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa *DOC* telah berjaya mengekalkan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan.

8. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN dan China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip dan semangat *DOC* serta terus mengekalkan momentum positif di dalam melaksanakan usaha-usaha yang sewajarnya bagi memastikan dan mengekalkan keamanan di Laut China Selatan, termasuklah merealisasikan pengwujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Mengenai persoalan berkenaan pembinaan landasan kapal terbang oleh negara China sepanjang 10,000 kaki di Fiery Cross Island Pulau buatan oleh negara China, kawasan Fiery Cross Island adalah terletak di luar kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan.

10. Penerbangan ujian dan pendaratan pesawat yang dilaksanakan oleh China di kawasan tersebut telah mengujudkan situasi yang tidak kondusif dan berpotensi untuk meningkatkan ketegangan di Laut China Selatan. Ia juga akan menyebabkan usaha-usaha untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di antara Vietnam, Filipina dan China menjadi semakin sukar kerana kepercayaan dan keyakinan yang semakin menipis di antara negara-negara tersebut.

11. Pada ketika ini, adalah amat penting untuk semua pihak berpegang kepada peruntukan undang-undang antarabangsa, termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* serta prinsip dan semangat Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea*.

12. Kerajaan akan terus memantau perkembangan semasa di Laut China Selatan supaya kepentingan negara sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, usaha-usaha di peringkat serantau khususnya di bawah ASEAN perlu terus dilaksanakan supaya Laut China Selatan dan rantau Asia Tenggara kekal aman dan stabil.

Sekian, terima kasih.